

**DRAF MANUAL
UNTUK PENYEDIAAN
LAPORAN BULANAN KAWALAN
PENYAKIT DI PINTU MASUK
ANTARABANGSA
(PMA 301 & PMA 302)**

**EDISI KEDUA
MOH/K/EPI/**

Dikeluarkan oleh

Cawangan Penyakit Berjangkit
Bahagian Kawalan Penyakit
Jabatan Kesihatan Awam
Kementerian Kesihatan Malaysia

Diedarkan oleh

Cawangan Penyakit Berjangkit
Bahagian Kawalan Penyakit
Jabatan Kesihatan Awam
Kementerian Kesihatan Malaysia
Tingkat 10, Blok E 10, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

**MANUAL UNTUK
LAPORAN BULANAN KAWALAN PENYAKIT DI
PINTU MASUK ANTARABANGSA
(PMA 301 & PMA 302)
Edisi Pertama**

Manual untuk laporan bulanan kawalan penyakit di pintu masuk antarabangsa ini disusun dan dibukukan untuk kegunaan anggota kesihatan di pelabuhan. Ia diolahkan sebegitu rupa untuk menggambarkan aktiviti yang dijalankan oleh program kesihatan Antarabangsa di pintu masuk.

Manual ini bertujuan untuk menyeragamkan sebarang bentuk dokumentasi dari buku daftar sehingga laporan disediakan di peringkat pintu masuk sehingga maklumat sampai ke peringkat kebangsaan di Sistem Maklumat Kesihatan dan Bahagian Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan.

Adalah diharapkan dengan adanya manual ini akan menghasilkan sistem maklumat kesihatan program kesihatan antarabangsa yang lebih tepat dan berkualiti.

Terima kasih.

Pengarah
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

2007.

ISI KANDUNGAN

Bil.	Tajuk	Mukasurat
Bahagian Pertama: Laporan Bulanan PMA 301		
I.	Keterangan Am	1
	Objektif	1
	Kumpulan Sasaran	
	Pegawai yang terlibat dalam menyediakan laporan	
	Kegunaan laporan oleh anggota penyeliaan	
2.	Merekod data	1
	Buku daftar penyakit Demam Kuning dan Penyakit berjangkit yang lain	1-5
	Buku daftar Import / Eksport Tisu / Organ / Organisma Patogenik dan Spesimen Klinikal	5 - 7
	Buku daftar Import / Eksport Mayat	7 - 8
	Buku daftar Pemeriksaan dan Disinsektasi Kapal Terbang	8 - 9
3.	Keterangan untuk melengkapkan PMA 301	10 - 11
4.	Penghantaran laporan	11
5.	Senarai pintu masuk antarabangsa yang perlu menghantar laporan	12 - 13
II.	Definasi	13 - 15
4.	Borang PMA 301	16 - 17
5.	Lampiran – Lampiran	
	Lampiran 1 – Senarai Buku Pendaftaran dan borang digunakan untuk mengisi PMA 301	10
	Lampiran 2 – Carta Aliran penghantaran laporan bulanan PMA 301	19
	Lampiran 3 - Senarai negara – negara endemik dengan Demam Kuning	20
	Lampiran 4 – Senarai pusat vaksinasi Demam Kuning diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan	21-22
	Lampiran 5 – PMA 101A – Buku Daftar Penyakit Demam Kuning dan penyakit berjangkit yang lain	23 - 24

ISI KANDUNGAN

Bil.	Tajuk	Mukasurat
	Lampiran 6 -- PMA 101B – Buku Daftar Import / Eksport Tisu / Organ / Organisma Pathogenik dan Spesimen Klinikal	25 - 26
	Lampiran 7 – PMA 101C – Buku Daftar Import / Eksport Mayat	27 - 28
	Lampiran 8 – PMA 101 – Buku Daftar Disinsektasi Kapal Terbang	29
	Lampiran 9 - Borang Kajian Bedah Siasat (Post Mortem Rodensia)	30
	Lampiran 10 – Laporan harian aktiviti pengawasan rodensia	31
	Lampiran 11- Laporan harian aktiviti pemasangan & pemeriksaan ovitrap	32
	Lampiran 12 – Aircraft Declaration	33
Bahagian Kedua : Laporan Bulanan PMA 302		
1.	Keterangan Am	34
2.	Merekod data	34 - 38
3.	Borang PMA 302	40
4.	Lampiran – Lampiran	
	Lampiran 1 – Senarai buku pendaftaran dan borang yang digunakan untuk mengisi PMA 302	41
	Lampiran 2 – Carta Aliran penghantaran laporan bulanan PMA 302	41
	Lampiran 3 – PMA 101E - Borang Daftar Kapal di Pelabuhan	42 - 43
	Lampiran 4 – Maritime Declaration of Health	44
	Lampiran 5 – Sijil Pratique	45
	Lampiran 6 – Contoh sijil SSCC / SSCEC dan Lanjutan	46
	Lampiran 7 – Sijil Port health Clearance (Sijil Pelepasan Kesihatan)	47

**Bahagian Pertama:
Laporan Bulanan PMA 301**

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT KESIHATAN

LAPORAN BULANAN KAWALAN PENYAKIT DI PINTU MASUK ANTARABANGSA

1. **KETERANGAN AM**

1. **Objektif**

Untuk memantau aktiviti kawalan penyakit berjangkit di pintu masuk udara, laut dan pintu masuk darat negara Malaysia.

2. **Kumpulan Sasaran**

Meliputi semua kemasukkan (orang, mayat organisma, tisu dan spesimen) yang tiba dan keluar dari Pintu Masuk Antarabangsa di Malaysia.

3. **Pegawai yang terlibat dalam menyediakan Laporan**

Anggota kesihatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP) U29 / Jururawat U29) yang bertanggungjawab di pintu masuk terlibat akan menyediakan laporan ini setiap bulan.

4. **Kegunaan Laporan oleh Anggota Penyeliaan**

Pegawai Penyeliaan dikehendaki meneliti dan memastikan semua maklumat direkod dan dilaporkan dengan tepat dan betul. Laporan bulanan akan digunakan oleh pegawai yang bertanggungjawab Pegawai Kesihatan atau PPKP (U36 / U32) untuk memantau aktiviti-aktiviti kawalan penyakit dengan lebih efektif dan efisien, menggerakkan sumber-sumber, penyeliaan anggota serta pengurusan am dan perancangan operasi rutin.

5. **Merekodkan data**

Data yang perlu direkod untuk laporan ini, diambil dari dokumen seperti Buku Pendaftaran, *general declaration of health*, borang permohonan import/eksport, borang kajian Aedes, borang kajian Ovitrap dan lain-lain dokumen yang berkaitan (Lampiran 1).

5.1 **Keterangan mengisi dalam buku daftar**

5.1.1 **Buku Daftar Penyakit Demam Kuning dan Penyakit Berjangkit yang lain**

- i. Buku Daftar ini dinamakan Buku Daftar PMA 101A. Buku daftar ini perlu diisi oleh semua pintu masuk antarabangsa samada pintu masuk darat, pelabuhan atau lapangan terbang antarabangsa.

- ii. Tujuan buku daftar ini adalah mendaftar semua maklumat berikut:-
- a. segala pemeriksaan samada pemeriksaan dokumen atau pemeriksaan ke atas pelawat yang tiba di pintu masuk. Tumpuan pemeriksaan adalah kepada pelawat dari negara yang endemik sesuatu penyakit seperti penyakit Demam Kuning atau kepada mereka yang datang dari negara yang berlaku sesuatu wabak atau pelawat yang disyaki mengidap sesuatu penyakit.
 - b. Prosidur kesihatan yang dijalankan ke atas pelawat seperti kuarantin, pengawasan kesihatan.
- iii. Isikan nama tempat lokasi tempat pintu masuk. Kod fasiliti , negeri dan pejabat akan tertera secara automatik. Isikan juga tahun dan bulan pada permulaan memasukan data. Berikut keterangan mengisi mengikut kolom:-

Kolum	Item	Keterangan
2	Tarikh tiba di Malaysia	Tuliskan tarikh pelawat tiba di Malaysia
Ketibaan		
3	No penerbangan / nama kapal / no. Kenderaan	Tuliskan no penerbangan, nama kapal atau no. Plat bas yang sampai di pintu masuk.
4.	Dari	Destinasi kenderaan semasa ia berlepas atau bertolak.
5.	Nama	Nama pelawat yang diperiksa (dokumen atau pemeriksaan fizikal).
6.	Umur	Umur – umur yang boleh diisi dalam buku daftar ini adalah dari 0 – 130. Bila melebihi 130 warna merah jambu. Untuk bayi kurang dari setahun perlu diisi xx/12 – dalam bulan, xxx/365 – dalam hari
7.	Jantina	L – lelaki, P – Perempuan
8.	No. Pasport/ no. Kad pengenalan	Nyatakan no pasport atau no kad pengenalan
9.	Status	Status pelawat P – Pelawat , AK – Anak kapal

Kolum	Item	Keterangan
10.	Kewarganegaraan	Nyatakan kewarganegaraan mereka yang diperiksa
11.	Tarikh berlepas dari negara asal	Tarikh berlepas dari negara asal. Sekiranya tarikh berlepas telah terlalu lama cukup nyatakan bulan dan tahun pelawat berlepas dari negara asal.
Negara Endemik Demam Kuning Akhir dilawati dalam masa 6 hari		
12.	Nama Negara Endemik	Nyatakan negara endemik Demam Kuning yang dilawati dalam 6 hari
13.	Tarikh Tiba	Tarikh tiba di negara endemik Demam Kuning.
14.	Tarikh berlepas	Tarikh berlepas dari negara endemik Demam Kuning.
15.	Ada / Tiada Immunisasi	Ada bermaksud ada menerima suntikan vaksin Demam Kuning dan Tiada bermaksud tidak menerima suntikan vaksin Demam Kuning.
16.	Dokumen lengkap	Dokumen atau sijil immunisasi Demam Kuning lengkap apabila mempunyai ciri-ciri yang berikut:- i. nama dan nombor paspot atau identiti penerima vaksinasi ii. tarikh vaksinasi diberikan iii. tandatangan pegawai yang memberi suntikan dan cop pusat vaksinasi iv. no. batch vaksin v. 10 hari selepas tarikh suntikan dan sah untuk tempoh 10 tahun Y – bermaksud Ya, Dokumen immunisasi Demam Kuning lengkap dan T – bermaksud Tidak, Dokumen immunisasi Demam Kuning tidak lengkap.
17.	Tarikh Immunisasi	Masukan tarikh immunisasi vaksin Demam Kuning diterima.
18.	Status Sijil	Tidak perlu diisi. Ia akan terisi secara automatik bila butiran kolum sebelum ini diisi.
19.	Sebab Sijil Tidak sah	Tidak perlu diisi. Ia akan terisi secara automatik bila butiran kolum sebelum ini diisi.

	Nama negara	Tuliskan nama negara yang dikunjungi dalam masa 10 hari. Tuliskan negara lain selain negara endemik Demam Kuning yang dilawati dalam masa 10 hari. Sekiranya lebih dari satu, isikan negara yang mempunyai wabak dalam kolom ini. Nama negara lain yang dilawati boleh diisikan dalam kolom 31 catatan.
21.	Tarikh tiba	Tarikh tiba di negara yang dinyatakan dalam kolom 20.
22.	Tarikh berlepas	Tarikh berlepas dari negara yang dinyatakan dalam kolom 20.
23.	Status kesihatan	Status kesihatan pelawat selepas pemeriksaan samada sihat, tidak sihat (sekiranya dimasukkan ke hospital), disyaki (bagi mereka yang dikuarantin atau mereka yang diletakan di bawah pengawasan) atau mati.
<p>Status Kesihatan yang disyaki</p> <p>– setiap pelawat disyaki boleh diletakkan pengawasan atau dikuarantin. Sekiranya ada pelawat melalui kedua-dua prosidur nyatakan salah satu saja. Sekiranya diisikan kedua-dua prosidur latarbelakang warna ungu atau merah jambu akan tertera (bermaksud anda telah salah mengisikan buku daftar).</p>		
24.	Nyatakan penyakit	Nyatakan penyakit yang disyaki
25.	Disebabkan oleh penyakit	Nyatakan penyakit berjangkit atau penyakit tidak berjangkit.
<p>Dikuarantin</p>		
26.	Tempoh dikuarantin	Nyatakan tempoh dalam hari pelawat dikuarantin.
27.	Tarikh dilepaskan kuarantin	Nyatakan tarikh pelawat dilepaskan dari kuarantin.
<p>Di bawah pengawasan</p>		
28.	Kategori	Masukan VIP – Very important person (lihat definisi) atau Bukan VIP.

Kolum	Item	Keterangan
29.	Tempoh di bawah pengawasan kesihatan	Masukan tempoh dalam hari pelawat di letakkan di bawah pengawasan kesihatan.
Kematian		
30.	Disebabkan oleh penyakit	Nyatakan sebab kematian kerana penyakit berjangkit atau bukan penyakit berjangkit. Sekiranya status kesihatan dalam kolum 25 tidak dinyatakan atau diisikan mati maka kolum ini tidak boleh diisi.
31.	Catatan	Isi kolum ini dengan kenyataan yang tidak dapat diisikan dalam kolum yang lain eg. sebab kematian, penyakit lain yang menyebabkan pelawat dikuarantin atau diletakkan di bawah pengawasan kesihatan.

5.1.2 Buku Daftar Import / Eksport Tisu / Organ, Organisma Pathogenik dan Spesimen Klinikal

- i. Buku Daftar ini dinamakan Buku Daftar PMA 101B. Buku daftar ini perlu diisi oleh semua pintu masuk antarabangsa samada pintu masuk darat, pelabuhan atau lapangan terbang antarabangsa.
- ii. Tujuan buku daftar ini adalah mendaftar semua maklumat berikut:-
 - a. segala import dan eksport tisu, spesimen klinikal dan organisma meliputi organisma patogenik di pintu masuk antarabangsa.
- iv. Isikan nama tempat lokasi tempat pintu masuk. Kod fasiliti, negeri dan pejabat akan tertera secara automatik. Isikan juga tahun dan bulan pada permulaan memasukan data. Berikut keterangan mengisi mengikut kolum:-

Kolum	Item	Keterangan
2	Tarikh tiba	Tarikh konsaimen tiba di pintu masuk Malaysia
3	Nama Item	Tuliskan nama konsaimen tersebut. Sekiranya setiap konsaimen mempunyai lebih dari satu item senaraikan setiap item dalam "row" (barisan).
4.	Kategori	Tuliskan kategori konsaimen import atau eksport.

Kolum	Item	Keterangan
Pengenalan – Pengimport / Pengeksport		
5.	Nama	Tuliskan nama pengimport atau pengeksport
6.	Alamat	Tuliskan alamat pengimport atau pengeksport
Pengenalan – Pengguna		
7.	Nama	Tuliskan nama pengguna
8.	Alamat	Tuliskan alamat pengguna
9.	Batch	Tuliskan no. Identifikasi pada konsaimen – yang boleh diperolehi dari konsaimen atau pada permit
Kuantiti Mengikut Jenis Konsaimen		
10.	Kelas I	Kuantiti Kelas I – eg. eg. 3 tiub (10x 0.1ml), 3 loop (10 x 0.2 ml)
11.	Kelas II	Kuantiti Kelas II – eg. eg. 3 tiub (10x 0.1ml), 3 loop (10 x 0.2 ml)
12.	Kelas III	Kuantiti Kelas III – eg. eg. 3 tiub (10x 0.1ml), 3 loop (10 x 0.2 ml)
13.	Kelas IV	Kuantiti Kelas IV – eg. eg. 3 tiub (10x 0.1ml), 3 loop (10 x 0.2 ml)
14.	Tisu / Organ	Kuantiti Tisu / Organ – eg. eg. 3 tiub (10x 0.1ml), 3 loop (10 x 0.2 ml)
15.	Specimen	Kuantiti spesimen – eg. 100 tiub (setiap tiub mengandungi 2ml plasma)
Tisu / Organ (Jika) Status Bebas Penyakit Berjangkit		
- hanya untuk organ / tisu saja untuk menentu status bebas dari penyakit berjangkit		
16.	Penyebab Kematian	Sebab kematian kepada penderma tisu atau organ.
17.	Pengesahan status	Ya – bila pengesahan status bebas penyakit berjangkit diperolehi dan Tidak – bila pengesahan status bebas penyakit berjangkit tidak diperolehi.
18.	Cara Perlupusan	Cara pelupusan konsaimen samada dengan cara incinerator, autoclave atau cara-cara lain. Sekiranya

Kolum	Item	Keterangan
		lain-lain cara nyatakan dalam catatan dalam kolum 20.
19.	Pihak yang melupuskan	Nyatakan samada pelupusan dibuat sendiri atau kontraktor.
20.	Catatan	Masukkan maklumat yang penting yang tidak diisi dalam kolum lain.

5.1.3 Buku Daftar Import / Eksport Mayat

- i. Buku Daftar ini dinamakan Buku Daftar PMA 101 C. Buku daftar ini perlu diisi oleh semua pintu masuk antarabangsa samada pintu masuk darat, pelabuhan atau lapangan terbang antarabangsa.
- ii. Tujuan buku daftar ini adalah mendaftar semua maklumat berikut:-
 - a. segala import dan eksport mayat di pintu masuk antarabangsa.
 - ii. Isikan nama tempat lokasi tempat pintu masuk. Kod fasiliti , negeri dan pejabat akan tertera secara automatik. Isikan juga tahun dan bulan pada mula memasukan data. Berikut keterangan mengisi mengikut kolum:-

Kolum	Item	Keterangan
2	Tarikh	Tarikh mayat tiba di pintu masuk Malaysia
3	Kategori	Tuliskan kategori mayat import atau eksport.
Butiran ketibaan di pintu masuk		
4.	Masa tiba	Tuliskan masa tiba mayat di pintu masuk.
5.	No. Penerbangan / Nama Kapal / No Kenderaan	Nyatakan no kapal terbang, nama kapal atau plat kenderaan yang membawa mayat masuk atau keluar dari Malaysia.
6.	Nama	Tuliskan nama mayat yang diimport atau eksport
7.	Umur	Umur – umur yang boleh diisi dalam buku daftar ini adalah 0 – 130. Bila melebihi 130 warna merah jambu. Untuk bayi kurang dari setahun perlu diisi xx/12 – dalam bulan, xxx/365 – dalam hari

Kolum	Item	Keterangan
8.	Jantina	Tuliskan jantina mayat L untuk lelaki dan P untuk perempuan
9.	Kewarganegaraan	Tuliskan kewarganegaraan mayat tersebut.
10.	Bangsa	Tuliskan bangsa mayat tersebut.
Kematian		
11.	Sebab-sebab kematian	Tuliskan sebab kematian mayat tersebut.
12.	Disebabkan oleh penyakit	Nyatakan sebab kematian disebabkan penyakit berjangkit atau tidak berjangkit.
13.	No. Sijil kematian / No. Pengenalan	Tuliskan no. Sijil kematian. Sekira tiada no sijil kematian tuliskan no pengenalan mayat.
14.	Tarikh kematian	Tuliskan tarikh kematian.
Pengawetan		
15.	Ada / Tiada	Tuliskan ada sekiranya ada pengawetan dan tiada sekiranya tiada pengawetan.
16.	Nama Agensi yang melakukan (jika ada)	Tuliskan maklumat agen yang membuat pengawetan (embalming) sekiranya diketahui.
17.	Alamat destinasi	Nyatakan alamat destinasi pengembumian mayat atau destinasi akhir mayat.
18.	Nama agen /saudara / wakil yang menguruskan simati.	Tuliskan alamat mereka yang akan menguruskan mayat atau simati.
19.	Catatan	Tuliskan maklumat lain yang tidak dinyatakan dalam kolum lain eg.punca kematian "pending" sementara menunggu keputusan makmal.

5.1.4 Buku Daftar Pemeriksaan dan Disinsektasi Kapal Terbang

- i. Buku Daftar ini dinamakan Buku Daftar PMA 101 D. Buku daftar ini perlu diisi oleh semua pintu masuk lapangan terbang antarabangsa saja.

- ii. Tujuan buku daftar ini adalah mendaftar semua maklumat berikut:-
- a. segala pemeriksaan kapal terbang dan pemeriksaan untuk mengenalpasti samada prosidur disinfeksi kapal terbang dijalankan. Pemeriksaan disinfeksi kapal terbang meliputi pemeriksaan "can" juga pemeriksaan dokumen menunjukkan disinfeksi "residual" telah dijalankan.
- ii. Isikan nama tempat lokasi tempat pintu masuk. Kod fasiliti, negeri dan pejabat akan tertera secara automatik. Isikan juga tahun dan bulan pada mula memasukan data. Berikut keterangan mengisi mengikut kolum:-

Kolum	Item	Keterangan
2	Tarikh Pemeriksaan	Tarikh pemeriksaan kapal terbang atau pemeriksaan disinfeksi dijalankan.
3	Pemeriksaan fizikal	Tuliskan ada sekiranya pemeriksaan fizikal dijalankan.
4.	Penerimaan & Pemeriksaan GD	Tuliskan ada sekiranya menerima dan memeriksa GD (General Declaration of health) sesuatu kapal terbang.
5.	Status pelaksanaan Disinfeksi.	Nyatakan jenis disinfeksi kapal terbang samada "can" atau sijil disinfeksi "residual"
6.	Tarikh tiba	Nyatakan tarikh tiba kapal terbang di pintu masuk.
7.	No. penerbangan	Tuliskan atau nyatakan no. penerbangan kapal terbang.
Status disinfeksi		
8.	Tarikh disinfeksi	Nyatakan tarikh disinfeksi kapal terbang dijalankan.
9.	Jenis disinfeksi	Nyatakan jenis disinfeksi samada "pre embarkation, Top of descent, Hold disinfection atau residual".
10.	Catitan	Tuliskan maklumat yang tidak dinyatakan dalam kolum lain dalam buku daftar ini.

6. Keterangan untuk melengkapi laporan PMA 301

Isikan nama tempat lokasi tempat pintu masuk, kod fasiliti , negeri dan pejabat akan tertera secara automatik.

6.1 Laporan PMA 301

Secara umum hampir semua data PMA 301 akan terjana secara automatik bila buku daftar PMA 101 A, B, C dan D diisikan. Namun begitu data pada kolom ini perlu diisikan pada akhir setiap bulan iaitu:-

Kolum	Item	Keterangan
Ketibaan		
3.	Penumpang	Masukan jumlah penumpang yang tiba di pintu masuk. Maklumat ini boleh diperolehi dari Jabatan Imigresen di pintu masuk.
4.	Anak kapal	Masukan jumlah anak kapal yang tiba di pintu masuk. Maklumat ini boleh diperolehi dari Jabatan Imigresen di pintu masuk.
5.	Jumlah	Jumlah yang tiba di pintu masuk akan terjana secara automatik bila kolom 3 dan 4 diisikan.
Kolum 6 hingga 39 akan terjana secara automatik bila buku daftar diisikan.		
Indeks Aedes Aegypti		
40.	Bilangan premis yang diperiksa	Bilangan premis yang diperiksa untuk Aedes aegypti. Maklumat ini boleh diperolehi dari Unit vektor di pintu masuk.
41.	Bilangan premis yang positif	Bilangan premis yang terbukti mempunyai pembiakan aedes aegypti. Maklumat ini juga boleh diperolehi dari unit vektor di pintu masuk.
42.	Indek aedes aegypti (%)	Indeks ini akan terbentuk secara automatik bila kolom 40 dan 41 diisi.
Indeks Ovitrap		
43.	Bilangan ovitrap yang diperiksa	Bilangan ovitrap yang diperiksa. Maklumat ini boleh diperolehi dari Unit vektor di pintu masuk.
44.	Bilangan ovitrap yang positif	Bilangan ovitrap yang positif. Maklumat ini juga boleh diperolehi dari unit vektor di pintu masuk.

Kolum	Item	Keterangan
45.	Indeks ovitrap	Indeks ini akan terbentuk secara automatik bila kolum 43 dan 44 diisi.
Indeks Flea		
46.	Bilangan tikus yang diperiksa	Masukkan bilangan tikus yang diperiksa. Maklumat ini boleh diperolehi dari Unit vektor di pintu masuk.
47.	Bilangan Xenopsylla cheopsis	Masukkan bilangan Xenopsylla cheopsis yang dijumpai. Maklumat ini boleh diperolehi dari Unit vektor di pintu masuk.
48.	Index flea	Indeks ini akan terbentuk secara automatik bila kolum 46 dan 47 diisi.
Penerbangan		
49.	Jumlah penerbangan yang tiba	Masukan jumlah penerbangan yang tiba di lapangan terbang di akhir bulan. Maklumat ini boleh diperolehi dari syarikat yang menyelia lapangan terbang di pintu masuk. eg. Malaysian Airport Berhad.
Maklumat dari dalam kolum 50, 53, 56, 57 terjana secara automatik bila buku daftar PMA 101D diisikan namun begitu kolum 51, 52, 54, 55, 58 dan 59 terjana secara automatik bila kolum 49 diisikan.		

7. Penghantaran laporan

Semua daerah yang mempunyai pintu masuk darat, udara dan pelabuhan antarabangsa perlu menghantar laporan bulanan PMA 301 mengikut pintu masuk masing-masing melalui Pejabat Kesihatan Daerah.

Pejabat Daerah perlu menghantar laporan bulan PMA 301 kepada Sistem Maklumat Kesihatan (IDS) tidak lewat dari minggu pertama dalam bulan berikutnya.

Pegawai Epidemiologi Negeri bertanggungjawab menjalankan validasi dan pengesahan dengan melayari laman web ids iaitu :- <http://ids.moh.gov.my/eform> selewatnya sehingga minggu ke 2 bulan berikutnya.

Sekiranya pegawai epidemiologi masih tidak membuat validasi dan pengesahan pada akhir minggu ke 2, pada hari 14 atau 15 satu makluman akan dikeluarkan untuk memastikan pengesahan dibuat terhadap laporan yang dikeluarkan oleh pintu masuk di bawah jagaan Jabatan Kesihatan Negeri.

8. Senarai Pintu Masuk-pintu Masuk Antarabangsa Yang Perlu Menghantar Laporan

Lapangan Terbang Antarabangsa

1. KLIA, Sepang, Selangor
2. Batu Berendam, Melaka
3. Senai, Johor
4. Pulau Tioman, Johor
5. Kuantan, Pahang
6. Pulau Langkawi, Kedah
7. Bayan Lepas, Pulau Pinang
8. Kuching, Sarawak
9. Miri, Sarawak
10. Labuan, W. Persekutuan
11. Kota Kinabalu, Sabah
12. Tawau, Sabah
13. Sandakan, Sabah

Pintu Masuk Darat Antarabangsa

1. Padang Besar, Perlis
2. Bukit Kayu Hitam, Kedah
3. Wang Kelian, Perlis
4. Pengkalan Hulu, Perak
5. Tanjung Puteri, Johor
6. Link Kedua, Johor
7. Pengkalan Kubur, Kelantan
8. Bukit Bunga, Kelantan
9. Rantau Panjang, Kelantan
10. Pagalungan Pensiangan, Sabah
11. Beaufort, Sabah
12. Nabawan, Sabah
13. Lawas, Sarawak
14. Tebedu, Sarawak
15. Miri, Sarawak
16. Tedungan, Limbang, Sarawak

PELABUHAN

1. Pelabuhan Klang, Selangor
2. Port Dickson, Negeri Sembilan
3. Tanjung Beruas, Melaka – untuk kargo saja
4. Pusat Dagangan Barter Sg. Rambai, Melaka
5. Dagangan Barter Sg. Kuala Linggi, Melaka
6. Petronas Sg. Udang – untuk kapal tanker dan gas
7. Quayside Melaka – untuk kapal penumpang saja
8. Pasir Gudang, Johor
9. Tanjung Pelepas Johor
10. Muar, Johor
11. Kukup, Johor
12. Setulang, Johor (Feri Penumpang saja)
13. Tanjung Belungkor, Kota Tinggi Johor (Feri Penumpang saja)
14. Batu Pahat, Johor
15. Kuantan, Pahang
16. Pulau Tioman, Pahang
17. Tanjung Berhala, Terengganu
18. Pelabuhan Kerteh, Terengganu
19. Pulau Langkawi
 - a. Telok Ewa, Pulau Langkawi (untuk tanker simen saja)
 - b. Tanjong Lembong (barter trade saja)
 - c. Awana Porto Malai (star cruise saja)
 - d. Jeti Kuah (Feri penumpang saja)

Hanya bot dagang daripada
Sumatra, Indonesia

20. Kuala Perlis, Perlis
21. Pulau Pinang
22. Lumut, Perak
23. Kota Kinabalu, Sabah
24. Tawau, Sabah
25. Lahad Datu, Sabah
26. Sandakan, Sabah
27. Kudat, Sabah
28. Labuan, W. Persekutuan
29. Kuching, Sarawak
30. Bintulu, Sarawak
31. Miri, Sarawak
32. Sibul, Sarawak
33. Tanjung Manis, Sarawak
34. Sarikei, Sarawak

II. DEFINISI

1. WWIP (Very-very Important Person) dan VIP (Very Important Person)

Adalah seseorang yang bertaraf Agong dan Permaisuri Agong, Sultan dan Sultanah, Ketua-ketua Negara seperti Presiden, Timbalan Presiden, Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri, Timbalan Menteri, Gabenor dan isteri-isteri mereka.

2. Indeks *Aedes aegypti*

$$= \frac{\text{Bil. Premis Positif}}{\text{Bil. Premis yang diperiksa}} \times 100\%$$

3. Indeks Flea

$$= \frac{\text{Bil. "Xenopsylla cheopis"}}{\text{Bil. Tikus diperiksa}}$$

4. Indeks ovitrap

$$= \frac{\text{Bil. Ovitrap positif}}{\text{Bil. Ovitrap yang diperiksa}} \times 100\%$$

5. Disinsektasi

Satu proses pemusnahan serangga yang dilakukan dalam pesawat sebelum berlepas "Block away" di mana setelah semua penumpang berada di dalam pesawat, atau

semasa ketibaan (di daratan) sebelum penumpang meninggalkan pesawat. Tujuan disinfeksi adalah untuk membunuh nyamuk dan serangga pembawa penyakit yang berada di dalam pesawat.

6. Sijil vaksinasi Demam Kuning yang sah

Sijil vaksinasi Demam Kuning yang sah (dalam bahasa *English* atau *French*) mestilah mempunyai ciri-ciri yang berikut:-

- ii. nama dan nombor paspot atau identiti penerima vaksinasi
- iii. tarikh vaksinasi diberikan
- iv. tandatangan pegawai yang memberi suntikan dan cop pusat vaksinasi
- v. no. batch vaksin
- vi. 10 hari selepas tarikh suntikan dan sah untuk tempoh 10 tahun

7. Bilangan Ketibaan

adalah bilangan penumpang dan anak kapal yang tiba di pintu masuk antarabangsa negara ini.

8. Dari negara yang endemik dengan Demam Kuning

adalah orang-orang yang datang atau telah melalui negara-negara yang endemik dengan penyakit Demam Kuning. Senarai negara-negara yang endemik dengan Demam Kuning, adalah seperti dalam Lampiran 3.

9. Kuarantin

adalah pembatasan aktiviti seseorang individu yang sihat atau barangan atau *conveyances* yang disyaki mungkin telah terdedah kepada penyakit berjangkit untuk mengelakkan penularan jangkitan. Namun begitu kuarantin yang dimaksudkan dalam PMA 301 adalah seseorang yang diletakkan di sesuatu tempat tertentu, tidak dibenarkan keluar dari tempat tersebut tanpa keizinan. Pemerhatian berkala meliputi dan tahap kesihatannya dipantau setiap hari dalam tempoh kuarantin. Untuk penyakit Demam Kuning seperti dalam PMA 301, kuarantin dikenakan ke atas penumpang atau anak kapal yang tiba di pintu masuk Malaysia kurang dari masa 6 hari dari tarikh bertolak dari negara endemik dengan penyakit Demam Kuning tanpa sijil vaksinasi Demam Kuning yang sah.

10. Survelan

adalah proses pemantauan kesihatan untuk memastikan bahawa penumpang atau anak kapal tidak mempunyai tanda atau gejala penyakit Demam Kuning atau penyakit berjangkit yang lain.

11. Tisu

adalah apa-apa sel manusia, apa-apa organ manusia, darah dan produk darah, cecair semen, cecair faraj, cecair tulang belakang, cecair sendi atau apa-apa cecair badan manusia.

12. Spesimen

adalah merupakan tisu yang digunakan untuk tujuan pemeriksaan makmal. Ini meliputi darah, plasma darah atau air kencing.

13. Mikroorganisma


adalah organisma yang hanya dapat dilihat dengan menggunakan mikroskop. Ia dibahagi kepada Klas 1 – 4 mengikut kevirulenan sesuatu mikroorganisma. Sila rujuk laman web untuk mengetahui klas sesuatu mikroorganisma iaitu www.atcc.org.

PMA 301 Bahagel																										
III. Konsalinan Tisu, Mikroorganisma dan Spasimen										IX. Pemantauan Dan Disinsektis Kapak Temang																
Diimport		Diexport								VIII. Pener-bangan		Pemantauan Fizikal			Pemantauan & Pemantauan GO			Statistik Pelaksanaan Disinsektis								
		Microorganisma				Spasimen						Ada	Tidak	(%)	Ada	Tidak	(%)	0	100	0	100					
Tisu/ Organ	Spasimen	Jumlah	Kelas I	Kelas II	Kelas III	Kelas IV	Tisu/ Organ	Spasimen	Jumlah	Dampot	Dampot	Dampot	Indeks Aedes Aegypti (%)	Indeks Ovitrap (%)	Indeks Flea	Jumlah Penerbangan Yang Terkaji	Ada	Tidak	(%)	Ada	Tidak	(%)	0	100	0	100
28	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0.00	0.00	0.00	0	50	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0.00	0.00	0.00	0	50	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0.00	0.00	0.00	0	50	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0.00	0.00	0.00	0	50	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0.00	0.00	0.00	0	50	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0.00	0.00	0.00	0	50	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0.00	0.00	0.00	0	50	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0.00	0.00	0.00	0	50	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0.00	0.00	0.00	0	50	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0.00	0.00	0.00	0	50	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0.00	0.00	0.00	0	50	0	0	0	0	0	0	0	0	0
39	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0.00	0.00	0.00	0	50	0	0	0	0	0	0	0	0	0
40	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0.00	0.00	0.00	0	50	0	0	0	0	0	0	0	0	0
41	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0.00	0.00	0.00	0	50	0	0	0	0	0	0	0	0	0
42	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0.00	0.00	0.00	0	50	0	0	0	0	0	0	0	0	0
43	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0.00	0.00	0.00	0	50	0	0	0	0	0	0	0	0	0
44	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0.00	0.00	0.00	0	50	0	0	0	0	0	0	0	0	0
